

BAB 5

KESIMPULAN KAJIAN

5.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan membicarakan kesimpulan kajian yang dapat dibuat oleh penulis terhadap keseluruhan hasil dari penyelidikan ini. Juga penulis memasukkan implikasi yang timbul berdasarkan tanggapan dan pandangan penulis mengenai penerbit ITM ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat, hasil yang boleh disimpulkan adalah pada keseluruhannya BIROTEKS masih lagi tidak berjaya berperanan sebagai sebuah penerbit ilmiah. Kegagalan ini dapat dilihat dengan keterikatannya dengan pembuat dasar iaitu pengurusan atasan ITM dalam menentukan segala bentuk pertugasan yang seharusnya dilakukan iaitu pengurusan ITM. Ini juga dapat ditentukan berdasarkan kepada hasil

penemuan jawapan terhadap soal selidik yang diedarkan terhadap beberapa faktor antaranya penentuan pasaran, kuasa jualan, teraju pengurusan, kadar bayaran komisyen dan ketiadaan dasar penerbitan yang khusus.

Menyentuh mengenai penentuan pasaran, Kedai Buku Koperasi ITM merupakan ejen tetap yang satu-satunya boleh menentukan pasaran dan pengedaran buku-buku terbitan BIROTEKS. Pengurusan ITM juga telah memberi kuasa penuh kepada Kedai Buku Koperasi ITM sebagai saluran yang dibenarkan menjual buku-buku tersebut. Malangnya hal ini tidak mendapat sokongan daripada kebanyakan responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 31. Seramai 60 orang responden bersetuju kuasa jualan terus hasil terbitan diberi kepada BIROTEKS sendiri. Ini diperkuahkan lagi dengan Jadual 35 yang membuktikan responden tidak bersetuju Kedai Buku Koperasi ITM diberi komisyen yang tinggi hasil penjualan buku-buku tersebut.

Teraju pengurusan BIROTEKS yang diketuai oleh staf dari kumpulan akademik juga memperlihatkan kegagalan perjalanan urusan pengendalian kerja-kerja penerbitan ITM. Kelemahan struktur organisasi seperti yang dikatakan oleh Abdul Manaf Saad dan Hasrom Haron jelas dilihat di BIROTEKS kerana kakitangan yang menerajuinya bukan dari bidang penerbitan sebenar. Tidak seperti Penerbit UKM yang mempunyai seorang staf sepenuh masa yang mengetuaui jabatan tersebut, bagi BIROTEKS ianya

diterajui oleh seorang kakitangan akademik yang dilantik untuk tempoh dua tahun. Ini terbukti dengan sokongan padu responden yang bersetuju agar BIROTEKS diketuai oleh seorang kakitangan sepenuh masa yang berkelulusan dalam bidang penerbitan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 27. Pernyataan persetujuan 64 orang sampel dalam perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pengurusan ITM.

Ketiadaan peruntukan khusus bagi aktiviti-aktiviti penerbitan juga berupaya menggagalkan fungsi dan peranan BIROTEKS sebagai penerbit ITM. Sememangnya seperti dalam Bab 1 ada menjelaskan ciri-ciri penerbit universiti yang antaranya mendapat peruntukan kecil dalam kerja-kerja penerbitan, namun penerbit universiti tetap diberi peruntukan khas. Bagaimanapun ini tidak berlaku kepada BIROTEKS kerana ia hanya diberi peruntukan pengurusan tahunan yang merangkumi kerja-kerja penerbitan dan juga urusan aktiviti pentadbiran. Sudah semestinya peruntukan tersebut tidak mencukupi dan pengkhususan peruntukan perlu dipertimbangkan oleh pengurusan ITM seperti di Jadual 28.

Di samping itu juga, ketiadaan dasar penerbitan bagi BIROTEKS menyukarkan urusan pemantauan kerja-kerja penerbitan. ITM sendiri tiada keseragaman dalam proses penghasilan kerja-kerja penerbitan. Ini amat dipersetujui oleh kebanyakan responden seperti yang dijelaskan dalam Jadual 10. Hanya dengan adanya dasar penerbitan tersebut dapat mengawal serta

menyeragamkan segala urusan penerbitan buku-buku ilmiah bagi penerbit ITM.

Meninjau semula fungsi penerbit universiti seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, adalah untuk menerbitkan buku dengan tujuan memperoleh, memaju, memelihara dan menyebar ilmu pengetahuan dalam semua subjek dengan tujuan untuk perkembangan pendidikan, agama, pembelajaran dan penyelidikan untuk meninggikan mutu penulisan dan bahan bacaan. Kurang sokongan dari penulis-penulis ilmiah atau akademik, sokongan kewangan yang teruk dan dicacatkan dengan staf yang tidak profesional dapat dilihat dari hasil penyelidikan ini. Tidak semua responden berminat untuk menulis atau menerbitkan buku mereka dengan BIROTEKS. Namun jika dilihat dari Jadual 36 seramai 37 responden yang boleh ditafsirkan masih kurang berminat untuk menerbitkan buku dengan BIROTEKS. Ini memberi petanda yang kurang sihat kepada penerbit ITM kerana kesedaran untuk menerbitkan buku bagi ITM perlu dipupuk dalam sanubari semua kakitangan akademik.

Penerbit universiti adalah sebahagian daripada universiti itu sendiri, berdiri sebagai sebuah jabatan pentadbiran bukan sebagai jabatan atau fakulti akademik walaupun fungsinya selalu ditakrifkan sebagai akademik. Hal ini juga berlaku kepada BIROTEKS sendiri. Namun sewaktu BIROTEKS cuba mengemukakan saranan untuk menjadi sebuah persyarikatan yang bertujuan untuk menjana sumber kewangan sendiri, permohonan ini telah ditolak tanpa

penjelasan yang kukuh. Bagaimanapun berdasarkan kepada Jadual 32, seramai 68 responden bersetuju dengan saranan BIROTEKS dijadikan sebuah persyarikatan bagi ITM dalam usaha untuk mendapatkan sumber kewangan sebanyak yang mungkin.

Apa yang jelas dari hasil dapatan penyelidikan ini, BIROTEKS seharusnya memikirkan semula peranan dan fungsinya sebagai penerbit kepada Institut Teknologi MARA. Dalam usaha untuk menaiktarafkan sesebuah penerbit universiti, seharusnya kerjasama diadakan di antara satu penerbit dengan penerbit universiti yang lain. Ini adalah ke arah satu kekuatan bagi menujuhkan Penerbit Universiti Malaysia seperti yang disarankan oleh Pengurus MAPIM, Encik Hasrom Haron dalam usaha untuk memperbanyakkan penerbitan ilmiah di negara ini.

5.3 IMPLIKASI

Dapatan-dapatan di atas memerlukan perhatian dan pertimbangan tertentu pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan BIROTEKS. Implikasi ini khas dirujuk kepada BIROTEKS sendiri dan Pengurusan ITM.

Implikasi utamanya ialah untuk mendapatkan sumber-sumber kewangan. Walaupun ada dikatakan BIROTEKS tidak menghadapi sebarang permasalahan dengan kewangan kerana mendapat sumber dari dua sumber, tetapi kewangan itu tetap tidak mencukupi. Sebahagian daripada kewangan BIROTEKS masih dipegang oleh pengedar iaitu Kedai Buku Koperasi ITM. Ini menyukarkan BIROTEKS untuk mendapatkan modal untuk mengendalikan projek-projek penerbitan yang lain. Secara tidak langsung ia menghalang pembangunan dan kemajuan keseluruhan sistem BIROTEKS.

BIROTEKS terpaksa menentukan harga buku-buku yang dijual itu semurah yang mungkin kerana para pelajar mempunyai keupayaan yang kecil untuk membeli buku yang berharga mahal. Ini menyebabkan BIROTEKS tidak dapat membuat keuntungan yang tinggi terhadap buku-buku yang diterbitkan.

Dalam hal struktur organisasi pula, begitu sukar untuk BIROTEKS berfungsi dengan lebih berkesan kerana teramat kekurangan kakitangan. Daripada mempunyai pengkhususan unit editorial, pemasaran/pengedaran dan sebagainya, BIROTEKS hanya memilih pengstrukturkan organisasi yang mudah. Permasalahan yang ketara ialah bidang kerja atau tanggungjawab kakitangan sokongan tidak begitu jelas berbeza jika dibandingkan dengan jawatan yang dikhususkan senarai pertugasannya atau kakitangan “utama” bagi BIROTEKS seperti Ketua, Koordinator-koordinator dan Pegawai Penterjemah. Senarai tugas mereka terlalu umum dan bergantung kepada arahan semasa seperti menaip, penghantaran dan pengambilan surat, pengurusan fail dan sebagainya.

Kakitangan utama juga tidak mempunyai senarai tugas dan bidang kerja yang jelas kerana mereka tidak maklum mengenai bidang kerja dan tanggungjawab yang berkaitan pemasaran, promosi dan pengeluaran. Kerja-kerja yang mereka lakukan sebenarnya lebih cenderung kepada memikirkan atau berfikir sesuatu yang berkaitan dengan pemasaran penerbitan dan strategi promosi. Tidak ada panduan yang khusus atau kriteria yang sepatutnya dilakukan dalam senarai pertugasan mereka.

Di samping masalah kewangan, BIROTEKS juga menghadapi masalah kakitangan yang terbatas dan kekurang kakitangan terlatih di bidang penerbitan. Selain daripada Pegawai Penterjemah serta kakitangan sokongan, kakitangan yang lain kesemuanya terdiri daripada para pensyarah atau kakitangan akademik. Mereka bukannya kakitangan sepenuh masa, lantikan di BIROTEKS hanya untuk tempoh tertentu atau sementara. Lazimnya dua tahun sahaja. Sebaik sahaja mereka mendapat ilmu dan pengetahuan mengenai penerbitan (melalui latihan dan kursus), mereka sudah berada pada penghujung perkhidmatan. Bila pengganti yang baru tiba, terpaksa diberi latihan dan kursus tentang penerbitan. Proses ini sungguh merugikan dan suatu pembaziran yang tidak sepatutnya berlaku dalam sesebuah organisasi penerbitan. Ini mengakibatkan kesan yang kurang baik terhadap tanggungjawab dan kesungguhan BIROTEKS.

Polisi yang tidak membenarkan BIROTEKS terlibat dengan penjualan langsung mendatangkan masalah dalam keberkesanan penjualan penerbitan BIROTEKS. Aliran edaran penerbitan BIROTEKS sangat perlahan. Koperasi ITM selaku wakil penjual tidak menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam pengedaran dan penjualan penerbitan BIROTEKS. Alasan yang dijangkakan mungkin penglibatan Kedai Buku Koperasi ITM yang tidak khusus, kerana selain dari itu ia juga menguruskan aktiviti pengurusan makanan, perniagaan “runcit” dan sebagainya.

Di samping itu juga, Koperasi ITM bukannya sebahagian dari BIROTEKS, tetapi ianya organisasi yang berasingan dalam sistem ITM. Perkara yang menghubungkannya ialah perniagaan dan pertubuhannya berdasarkan kerjasama yang diwujudkan oleh persatuan kakitangan akademik ITM. Oleh itu, ini menyukarkan BIROTEKS mengawal atau mengarahkan Koperasi ITM untuk melaksanakan apa yang seharusnya dilakukan dalam pengedaran.

BIROTEKS perlu menempatkan penerbitannya dalam Kedai Buku Koperasi ITM bagi mematuhi polisi ITM. BIROTEKS membayar ganjaran kepada Kedai Buku Koperasi ITM di antara 20 hingga 35 peratus terhadap jualan. Ini dirasakan teramat tinggi dalam mempromosikan aktiviti penerbitan. Bagaimanapun ini jarang berlaku dan BIROTEKS hanya membantu aktiviti pengedaran dengan mengeluarkan katalog, brosur dan poster untuk mempromosikan buku-buku.

Sebagai satu-satunya penerbit kepada institusi dengan kursus yang terlalu banyak, pelajar yang terlalu ramai dan 11 buah kampus cawangan, BIROTEKS telah menempuh tugas yang amat mencabar dalam memenuhi objektif ITM. BIROTEKS tidak mampu untuk menghantar kakitangannya

keseluruh cawangan untuk mendapatkan manuskrip atau mengendalikan bengkel dengan kakitangan yang sedikit dan terpaksa membahagikan antara kerja dengan tugas hakiki iaitu mengajar. Sehubungan dengan masalah ini, aktiviti BIROTEKS seperti seminar, kursus, bengkel dan sebagainya masih perlu dipertingkatkan khususnya dalam kemahiran.

Jarak antara ibu pejabat dengan kampus cawangan sedikit sebanyak memberi kesan kepada keberkesanan BIROTEKS. Ini kerana kebanyakan seminar, kursus dan bengkel penerbitan diadakan di ITM Shah Alam. Kos yang tinggi perlu dikeluarkan apabila pensyarah dari kampus cawangan diminta hadir terutama dari Sabah dan Sarawak.

Tidak dinafikan juga tidak semua pensyarah mempunyai penulisan yang baik di samping kemahiran menterjemah. Kemahiran perlu dibentuk dalam usaha untuk menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dan terjemahan yang baik. Ini mengakibatkan buku yang diterbitkan ditulis oleh penulis yang sama.

Amalan perbuatan yang suka membuat salinan foto (photocopy) di kalangan pelajar juga menjelaskan perniagaan BIROTEKS dan juga penerbit-penerbit lain di Malaysia. Bayangkan buku setebal 150 muka surat

dengan harga RM7.00 dengan mudah dimilik dengan harga RM1.50 apabila disalin foto. Buku asal dengan mudah diperolehi atau dipinjam dari perpustakaan, ataupun dari pensyarah yang mengajar subjek tersebut.

Untuk menjadikan keadaan lebih teruk, dalam penerbitan BIROTEKS atau penerbitan ilmiah lazimnya bermula dengan modal yang tinggi. Jadi buku terpaksa dijual dengan harga yang tinggi berbanding dengan buku-buku di pasaran semasa. Ini kerana cetakan buku-buku ilmiah selalunya terhad dan hanya khusus kepada sesuatu bidang. Rasionalnya, apabila harga tinggi, sangat sedikit buku akan dibeli kerana kuasa membeli para pelajar terlalu terhad dan cetakan keseluruhannya adalah kecil. Sebagai contoh, bagi 1000 naskah karya asal dengan 150 muka surat, buku itu sepatutnya dijual dengan harga kurang daripada RM7.00. Tetapi bagi 500 naskah dengan bilangan muka surat yang sama, harganya dijual tidak lebih daripada RM12.00. Apabila banyak cetakan dihasilkan, kos untuk satu unit adalah rendah dan harganya sudah pasti murah.

5.4 PENUTUP

Apa yang telah kita temui, BIROTEKS sebenarnya sebuah penerbitan yang kecil dengan bilangan kakitangan yang terhad, kurang kemahiran dan pengalaman. Sokongan sumber kewangannya amat sedikit dan berada dalam struktur organisasi yang tidak jelas. Memandangkan BIROTEKS memainkan peranan penting sebagai penerbitan ITM, ia sepatutnya mempunyai unit pemasaran, perancangan dan strategi seperti yang lazimnya terdapat dalam organisasi penerbitan di Malaysia dan di luar negara. Strukur organisasinya amat mudah tetapi sukar untuk difahami dan agak luar biasa. Ianya langsung tidak mempunyai fungsi yang jelas tentang pengkhususan dalam penerbitan.

Perkara yang mudah difahami hanya berdasarkan senarai tugas yang diberikan kepada kakitangan berkenaan. Dan terpulang kepada jawatankuasa kakitangan untuk menghuraikan fungsi dan tanggungjawabnya bagi memenuhi kehendak organisasi.

Di samping itu juga, jawatan Ketua BIROTEKS tidaklah tetap dan Koordinatornya pula bukan kakitangan sepenuh masa. Walaupun kakitangan profesional dan sepenuh masa ialah Pegawai Penterjemah, tetapi bidang kuasa dan peranan mereka sangat terhad.

BIROTEKS bukannya diwujudkan untuk menjadi "gergas perniagaan". Sebab itu masalah kewangan sering wujud dalam proses penerbitannya. Keuntungan dan tabungan yang diterima setiap tahun masih tidak mencukupi untuk menampung kos penerbitan. Ditambah pula dengan duit yang sepatutnya diterima dari hasil penjualan buku masih dalam pegangan pengedar. Keputusannya, masih banyak buku yang tidak dapat diterbitkan kerana kekurangan tabungan untuk menampung kos penerbitan.

Namun begitu penghargaan perlu diberikan, sejak penubuhan BIROTEKS banyak kemajuan dan pencapaian telah diperolehi. Bermula dengan penerbitan enam buah buku antara tahun 1981 hingga 1985, BIROTEKS kini telah mampu menerbitkan 74 buku/monograf antara tahun 1986 hingga 1998. Kemudahan pejabat telah ditingkatkan, dari mesin taip biasa kini digantikan dengan komputer IBM dan Apple bagi membolehkan sistem DTP dan pencetak warna digunakan.

Kini tiba masanya bagi BIROTEKS memikirkan dan bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam penerbitan pengajian tinggi dan sebagai tulang belakang kepada penerbitan universiti. Permasalahan yang wujud tetap akan wujud dan BIROTEKS seharusnya memikirkan bagaimana untuk menangani masalah itu bagi mengekalkan kemajuan, mengenal pasti

dan bersedia menangani masalah-masalah tersebut. Juga dalam masa yang sama mencari jalan untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.